



PERUTUSAN TAHUN BARU 2019

**YBHG. DATO' MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA**

Bismilahirrahmanirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2019 kepada semua warga Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Semoga Tahun Baru 2019 ini membuka lembaran baru untuk kita semua seterusnya memberikan semangat baru untuk terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab kita semua bagi menjayakan perancangan kerja tahun 2019 dengan lancar dan berkesan. Tahun 2019 merupakan tahun yang penuh bermakna bagi saya kerana ini adalah tahun ketiga saya diberi mandat untuk menerajui JPN sebagai Ketua Pengarah. Sepanjang tempoh ini, saya telah menyaksikan semangat kerjasama berpasukan yang kukuh dan utuh di kalangan warga JPN dan sentiasa memberikan sepenuh dedikasi dan komitmen yang jitu dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

Merentasi tempoh 12 bulan yang lalu, JPN telah melalui pelbagai perubahan serta pengalaman yang telah membawa kita kepada tahap yang lebih matang dalam menghadapi pelbagai aspek yang penuh dengan kompleksiti ini. Kejayaan demi kejayaan pada tahun 2018 ini telah berjaya meletakkan JPN ke tahap yang tersendiri seterusnya dapat memenuhi pencapaian yang dikehendaki oleh pemegang taruh. Semoga segala yang telah kita rancang pada tahun 2018 yang lalu mampu dijadikan contoh dan teladan untuk kita semua merealisasikan usaha yang lebih baik pada tahun 2019. Seajar dengan slogan '**Rakyat di Hati JPN**', JPN perlu sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada

semua rakyat dengan melakukan penambahbaikan berterusan ke atas perkhidmatannya dari semasa ke semasa.

Seperti yang telah diumumkan oleh YB Tan Sri Menteri Dalam Negeri pada Program Lawatan Kerja Rasmi ke Ibu Pejabat JPN Putrajaya pada 2 Julai 2018 yang lalu, JPN telah berjaya mempercepatkan tempoh siap MyKad untuk serahan di Ibu Pejabat JPN dan di 55 Pejabat Cetakan Teragih (DPP) daripada tempoh masa 45 minit kepada tempoh masa 30 minit selepas proses permohonan selesai. Walaupun tempoh siap MyKad untuk serahan ini dipercepatkan, aspek keselamatan dan kualiti MyKad tetap diberi keutamaan oleh JPN. Tidak mustahil, pada masa akan datang tempoh siap MyKad akan lebih singkat seiring dengan perubahan dan kecanggihan teknologi.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga JPN yang sentiasa berusaha memastikan pengurusan rekod pengenalan diri dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sentiasa memastikan integritinya terpelihara selain memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat sepanjang masa tanpa jemu. Pendaftaran rekod pengenalan diri penduduk yang teratur membolehkan Kerajaan memperolehi maklumat kependudukan yang komprehensif, tepat dan terkini. Rekod ini dapat membantu Kerajaan untuk menggubal dasar, merancang dan melaksanakan program pembangunan yang lebih tersusun dan efektif selain dapat menentukan kumpulan sasaran yang tepat bagi setiap program. Penyampaian perkhidmatan awam seperti kesihatan, pendidikan, kemudahan asas, infrastruktur dan sosial serta bantuan-bantuan kebajikan

berkaitan tidak dapat dilaksanakan tanpa maklumat yang diperolehi melalui sistem pendaftaran negara yang cekap dan mantap.

Dalam usaha untuk terus memantapkan penyampaian perkhidmatan, JPN telah menyediakan perkhidmatan kaunter di **228 cawangan** di seluruh pelusuk negara. Pendaftaran pelbagai peristiwa penting seseorang individu boleh diperolehi sepanjang tahun, setiap waktu melalui perkhidmatan atas talian, perkhidmatan kaunter sedia ada serta perkhidmatan melalui program *mobile outreach* dan *mobile ehsan*. JPN dari semasa ke semasa akan terus memantapkan program *outreach* atau program turun padang kepada penduduk yang mempunyai pelbagai kekangan untuk berurusan di pejabat JPN. Golongan sasaran yang mendapat manfaat program ini terdiri daripada golongan warga emas, kurang upaya, anak-anak yatim dan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai akses kepada pejabat JPN. Program ini ternyata membawa impak positif kepada rakyat dan program seumpama ini akan terus dijalankan oleh JPN dari semasa ke semasa.

JPN merupakan salah satu agensi barisan hadapan yang sering berurusan dengan pelbagai kelompok kumpulan pelanggan. Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan mutu dan imej perkhidmatan JPN, petugas-petugas kaunter JPN perlu menonjolkan imej yang seragam semasa berurusan dengan pelanggan. Penyeragaman ini dilihat dapat mewujudkan lambang profesionalisme terhadap imej petugas kaunter. Penampilan seragam dan kemas seseorang petugas kaunter itu akan mencerminkan kredibiliti serta keupayaan dalam melaksanakan tugas. Saya percaya, penyeragaman imej korporat petugas kaunter ini juga akan dapat

memberikan lambang pengenalan diri kakitangan di barisan hadapan dan ini seterusnya bakal menjadi identiti korporat kepada JPN.

Dalam memartabatkan hala tuju dan memantapkan imej kecemerlangan JPN, saya menyeru semua warga JPN agar terus berkhidmat dengan penuh rasa amanah dan tanggungjawab dengan iltizam, semangat serta kecekalan yang tinggi. Biar sejauh mana pun cabaran dan rintangan yang mendatang namun kita tetap berdiri teguh, utuh dan kukuh bersama-sama. Fahami dan hayatilah sepenuhnya visi, misi dan objektif Jabatan agar segala tindakan kita nanti tidak tersasar dari landasan dan harapan semua pihak. Saya percaya kita sentiasa mempunyai peluang dan ruang untuk terus meningkatkan pencapaian sedia ada ke tahap yang lebih tinggi kerana kita mempunyai kepakaran, potensi dan kemudahan yang sentiasa berkembang. Apa yang perlu adalah kita semua sentiasa mengkaji serta memperbaiki pendekatan dan inisiatif yang telah, sedang dan akan kita ambil bersesuaian dengan cabaran-cabaran semasa dan mendatang.

Semoga langkah yang kita ambil adalah langkah menuju kejayaan dan kecemerlangan. Semoga segala khidmat bakti dan usaha murni kita untuk memartabatkan perkhidmatan di JPN akan diberkati dan dipermudahkan oleh Allah SWT serta mencapai matlamat dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Dato' Mohammad Razin bin Abdullah

Ketua Pengarah

Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia